

# LORIDIN RAPITAB TABET

Loratadine (10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LORIDIN RAPITAB TABLET
2. Bagaimana LORIDIN RAPITAB TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET
4. Cara menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET
5. Semasa menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LORIDIN RAPITAB TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan LORIDIN RAPITAB TABLET

LORIDIN RAPITAB TABLET digunakan dalam rawatan rinitis alergi yang bermusim (radang pada membran mukosa di dalam hidung). 'perennial rhinitis' (radang sepanjang tahun), urtikaria (kulit merah-merah, ruam, gatal) dan alahan pada kulit.

## Bagaimana LORIDIN RAPITAB TABLET berfungsi

LORIDIN RAPITAB TABLET mengandungi loratadine iaitu bahan aktif tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dipanggil antihistamina.

LORIDIN RAPITAB TABLET membantu mengurangkan gejala alahan dengan menyekat kesan sejenis bahan yang dipanggil histamina, yang dihasilkan oleh badan apabila anda alah kepada sesuatu.

## Sebelum menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah (hipersensitif) kepada loratadine atau mana-mana bahan-bahan lain dalam ubat (sila lihat **Maklumat lanjut**).

### Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau

menyusukan anak. Loratadine dirembeskan ke dalam susu ibu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET

Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat sebelum anda mengambil LORIDIN RAPITAB TABLET jika:

- anda mempunyai penyakit hati.
- anda dijadualkan untuk menjalani ujian kulit untuk alahan. Jangan mengambil LORIDIN RAPITAB TABLET selama dua hari sebelum ujian ini. Ini kerana ia boleh menjejaskan keputusan ujian.

Jika anda menghadapi mana-mana situasi di atas (atau jika anda tidak pasti), bincang dengan doktor anda, ahli farmasi atau jururawat sebelum mengambil LORIDIN RAPITAB TABLET.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat jika anda ambil, baru mengambil atau mungkin mengambil ubat-ubatan yang lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diambil tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET

### Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil ubat ini dengan betul seperti yang dinyatakan di dalam risalah ini atau setelah diberitahu oleh doktor, ahli farmasi atau jururawat. Semak dengan doktor anda, ahli farmasi atau jururawat jika anda tidak pasti.

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun dan ke atas: 1 tablet (10mg) sekali sehari.

Jika anda mempunyai masalah hati yang serius, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk jumlah dos yang sesuai diambil. Jika ianya berkenaan dengan anda, dinasihatkan sentiasa mengambil dos yang disarankan oleh doktor anda.

## Kanak-kanak

Jangan berikan LORIDIN RAPITAB TABLET kepada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang telah disarankan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

• Jika anda terlupa mengambil dos anda, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat dan ambil dos yang seterusnya pada masa yang biasa.

• Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

• Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos adalah mengantuk, kadar degupan jantung yang cepat dan sakit kepala.

## Semasa menggunakan LORIDIN RAPITAB TABLET

### - Perkara yang perlu dilakukan

• Sentiasa mengambil ubat seperti yang dinyatakan di dalam risalah ini atau mengikut saranan dari doktor, ahli farmasi atau jururawat. Semak dengan doktor, ahli farmasi atau jururawat jika anda tidak pasti.

• Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan, bincang dengan doktor,

ahli farmasi atau jururawat. Ini termasuk kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

•Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat jika anda ambil, baru mengambil atau mungkin mengambil ubat-ubatan yang lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diambil tanpa preskripsi.

•Baca semua risalah ini sebelum anda mula mengambil ubat ini kerana ia mengandungi maklumat penting untuk anda.

•Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

•Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

•Jangan berikan LORIDIN RAPITAB TABLET kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda mesti memaklumkan kepada doktor jika anda tidak berasa sihat atau jika anda berasa lebih teruk.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Memandu dan menggunakan jentera

Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Loridin Rapitab Tablet memberi kesan kepada anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini juga boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang biasa dilaporkan di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun adalah:

- mengantuk
- sakit kepala

- keletihan
- mulut kering
- sakit perut

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Ini termasuk apa-apa kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers →Reporting).

**Cara penyimpanan dan pelupusan LORIDIN RAPITAB TABLET**

- Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.
- Jauhkan dari kanak-kanak.
- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada blister. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir pada bulan tersebut
- Jangan gunakan ubat ini jika anda mendapati terdapat perubahan dalam penampilan tablet.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

**LORIDIN RAPITAB TABLET**

Berwarna keputih-putihan, licin, berbentuk bulat, berperisa, tablet bersalut dengan tepi serong, mempunyai garisan pembahagi dua pada satu bahagian dan rata di sebelahnya.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
*Loratadine 10mg*
- Bahan tidak aktif  
*Mannitol, Citric acid monohydrate, Povidone K-30, Magnesium Stearate, Colloidal Silicon Dioxide, Microcrystalline Cellulose, Glucose Monohydrate, Trusil Pepermint Special S-1471, Croscarmellose Sodium. Natrium.*

- Nombor MAL

MAL20040219AZ

**Pengilang**

Cadila Healthcare Limited  
Sarkhej-Bavia N.H. No.8 A,  
Moraiya, Tal: Sanand,  
Dist: Ahmedabad 382 210  
INDIA

**Pemegang Pendaftaran Produk**

**THE ZYFAS MEDICAL CO**

No.7, Jalan Molek 3/10  
Taman Molek  
81100 Johor Bahru  
Johor

**Tarikh kemaskini RiMUP**

07/01/2016

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)070116/00002